

Keratan Akhbar bertarikh 9 Mei 2016

Kosmo

388 penduduk dibawa ke pusat pemindahan

Dengkil dilanda banjir

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

DENGKIL — Sebanyak 388 penduduk dari enam buah kampung yang dibuka sejurus kejadian di sini terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan akibat banjir yang melanda kawasan itu sejak pukul 5 petang kelmarin.

Antara kawasan yang dinaiki air ialah Kampung Sungai Buang, Kampung Ampar Tenang, Kampung Revolusi Hijau, Kampung Lalang, Kampung Semarang dan Kampung Seri Tanjung.

Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Daerah Sepang, Azli Muhidin berkata, kesemua mangsa banjir yang terdiri daripada 89 ke-

luarga terpaksa ditempatkan di tiga pusat pemindahan yang dibuka sejurus kejadian di sini terpaksa ditempatkan di pusat pemindahan akibat banjir yang melanda kawasan itu sejak pukul 5 petang kelmarin.

"Tiga pusat pemindahan yang dibuka ialah di Dewan Taman Gemilang, Dewan Ampar Tenang dan Surau Kampung Sungai Buang Luar.

"Sehingga pukul 3 petang ini (semalam), jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan tersebut kekal sama kerana banjir masih belum surut dan paras air dijangka meningkat akibat hujan lebat pada waktu petang," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Ketua

UMNO Bahagian Sepang Datuk Marsum Paing berkata, kejadian banjir di kawasan terlibat dipercayai berlaku akibat paras air Sungai Langat meningkat mendadak akibat hujan lebat sejak kelmarin.

"Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan kebajikan mangsa terjaga dan penduduk diingatkan agar mematuhi arahan pihak berkuasa jika mereka diarahkan berpinjam," katanya ketika melawat mangsa-mangsa banjir di Dewan Taman Gemilang di sini semalam.

Dalam pada itu, di Kuala

Lumpur, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Meteorologi, Alui Bahari berkata, hujan lebat yang semakin kerap berlaku ketika ini terutama di Lembah Klang sehingga menyebabkan banjir kilat disebabkan fenomena El Nino yang semakin melemah.

Katanya, keadaan cuaca panas melampau akibat El Nino yang berlaku sekarang bertukar hujan juga disebabkan Malaysia kini mengalami peralihan monsun.

Bagaimanapun, beliau berkata, keadaan hujan dan ribut petir di kawasan Lembah Klang pada masa ini bukan disebabkan fenomena La Nina.



PARAS air Sungai Langat meningkat selepas hujan lebat hingga menyebabkan satu ban pecah dipercaya menjadi punca kejadian banjir besar di Dengkil semalam.